

*Penggunaan Kaedah 4P bagi Penilaian  
Kompetensi Lisan*

**Nasyitah Abu Bakar**

nasyitah\_abu\_bakar@moe.edu.sg

**Noor Aisyah Ahmad Sharif**

noor\_aisyah\_ahmad\_sharif@moe.edu.sg

**Zulkifli Khamis**

zulkifli\_khamis@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Bendemeer

*Abstrak*

Para pelajar sering menghadapi masalah untuk menceritakan kandungan video yang mereka tonton kerana kurang keupayaan dan keyakinan diri untuk menceritakannya tanpa rangsangan daripada guru. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan garis panduan dalam membantu pelajar menjana idea untuk komponen lisan bagi bahagian perbualan berdasarkan video. Sehubungan dengan itu, para pelajar telah diajar menggunakan kaedah 4P, iaitu Penjelasan, Pengalaman, Pendapat dan Pengajaran untuk menceritakan dengan penuh yakin video yang telah mereka tonton. Kajian ini merupakan kajian tindakan yang melibatkan 14 orang pelajar Menengah 3 dari aliran Normal Teknikal. Dapatan kajian menunjukkan pelajar dapat mencapai markah yang baik selepas mengaplikasikan kaedah 4P. Pelajar juga telah menunjukkan minat dan penglibatan yang lebih aktif. Guru boleh menyediakan lebih banyak ruang untuk pelajar menjana idea bagi membantu perbualan mereka dengan lebih tersusun.

Kata Kunci: Perbualan Berdasarkan Video, Lisan , Kaedah 4P



## PENGENALAN

Kemahiran lisan terdiri daripada dua aspek penting, iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Pelajar yang mahir dalam bahasa lisannya akan dapat melahirkan perasaan dan pendapat dengan baik, dan akan lebih yakin untuk berinteraksi dengan orang lain dalam apa jua situasi. Berdasarkan format penilaian lisan yang bermula pada tahun 2016, kemahiran lisan pelajar tidak lagi dinilai berdasarkan perbualan berdasarkan gambar. Penggunaan klip video digunakan sebagai stimulus bagi kemahiran perbualan lisan. Namun, didapati para pelajar sering menghadapi masalah untuk menceritakan kandungan klip video yang telah mereka tonton dan kurang keupayaan serta keyakinan diri untuk menceritakannya tanpa rangsangan yang diberikan oleh guru.

## PERNYATAAN MASALAH

Komponen perbualan berdasarkan klip video merupakan komponen baharu untuk peperiksaan nasional menjelang tahun 2016. Masalah yang ketara dalam kalangan para pelajar ialah mereka menghadapi masalah dalam menceritakan klip video yang telah mereka tonton. Bukan itu sahaja, guru juga mendapati bahawa para pelajar kurang berkeupayaan serta berkeyakinan diri untuk menceritakan tentang video tanpa rangsangan daripada guru. Tambahan lagi, pelajar hanya mampu menerangkan apa yang mereka lihat dalam video dan tidak dapat mengembangkan isi dan mengaitkan dengan pengalaman mereka sendiri ataupun pengajaran dan nilai yang mereka peroleh.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan kemampuan pelajar menjana idea untuk berbual berdasarkan klip video; dan
2. menilai keberkesanan kaedah 4P bagi meningkatkan kemampuan pelajar bertutur dengan lebih baik secara sistematik dan yakin.



## KAJIAN LEPAS

Heywood (2000) menyatakan bahawa penilaian lisan ialah tugas yang direka untuk menyediakan para pelajar dengan peluang untuk membangunkan dan menunjukkan penguasaan pengetahuan mereka melalui ucapan dan persembahan.

Joughin (1999) mendapati bahawa sifat-sifat tertentu penilaian lisan mempunyai keupayaan untuk memberi pengaruh yang positif terhadap pembelajaran pelajar kerana pelajar:

1. akan melihat keperluan yang lebih besar untuk memahami bahan yang mereka belajar ketika membuat persiapan untuk lisan dan bukan dalam bentuk penulisan. Mereka tahu bahawa pemahaman mereka akan dipersoalkan oleh rakan-rakan atau pemeriksa;
2. kurang cenderung untuk membentangkan idea-idea yang mereka tidak faham dan perlukan rangsangan; dan
3. dapat melaporkan penilaian lisan sebagai perkongsian pengalaman peribadi semata-mata yang menjadikan mereka mempunyai lebih banyak pemilikan bahan yang dikemukakan dan lebih bertanggungjawab kepada penilai atau pendengar.

Kajian yang telah dibentangkan oleh Cikgu Norazisza Mohamed Taib dan Cikgu Nurisha Hamid (2011) dari Sekolah Menengah Coral dalam kertas kajian mereka, *Pengajaran Lisan: Perbualan Berdasarkan Gambar Dengan Menggunakan Teknik K2WS2* pada Seminar Bahasa Melayu 2011, telah menunjukkan keberkesanan teknik yang diajari mereka mampu membantu pelajar mengembangkan idea dengan lebih tersusun, jelas dan menarik.

Dengan itu, kaedah 4P telah digubal untuk menyesuaikan kaedah dengan format baharu ujian lisan, iaitu penggunaan video 1 minit.



## KAEDAH KAJIAN

### Subjek Kajian

Kajian ini merupakan kajian pengajaran yang melibatkan 14 orang pelajar menengah 3 daripada aliran Normal Teknikal. Tujuan pemilihan kumpulan pelajar ini adalah kerana:

1. mereka merupakan para pelajar pertama yang akan menduduki peperiksaan peringkat 'N' berdasarkan format lisan menggunakan video; dan
2. pemberatan komponen lisan bagi kertas peperiksaan Bahasa Melayu Asas peringkat 'N' ialah 50% daripada keseluruhan markah.

Kaedah yang terpandu ini dirasakan penting untuk diperkenalkan kepada kumpulan pelajar ini bagi membantu mereka mengembangkan idea masing-masing secara terarah dengan penuh keyakinan diri.

### Instrumen

Kaedah 4P telah diolah untuk dijadikan instrumen kajian ini. kaedah 4P ini terdiri daripada penjelasan, pengalaman, pendapat dan pengajaran. Dengan menggunakan kaedah 4P ini, diharapkan pelajar dapat merancang apa yang ingin dikatakan sebelum berhadapan dengan pemeriksa. Perbualan para pelajar lebih terarah semasa mengutarakan idea dan mampu memperbualkan perkara-perkara selain daripada apa yang mereka tonton dalam video. Praujian dan pascaujian turut digunakan sebagai bahan instrumen bagi menilai pencapaian pelajar. Lima klip video digunakan semasa pengajaran dan penilaian guru, senarai semak rakan sebaya dan rubrik lisan SEAB sebagai panduan dan penilaian turut digunakan.

### Prosedur Kajian

Pada peringkat awal, guru menjalankan praujian untuk menilai tahap kesediaan para pelajar dalam perbualan berdasarkan video. Kemudian, guru memperkenalkan kaedah 4P kepada para pelajar. Berdasarkan video



pertama yang ditunjukkan, guru memberikan contoh-contoh yang jelas sebagai cara untuk menyusun idea berdasarkan setiap 'P' dalam kaedah tersebut. Penjelasan tersebut juga dimuatkan ke dalam nota bercetak pelajar.

Sebagai aktiviti lanjutan bagi pelajaran tersebut, guru menunjukkan klip video yang kedua kepada pelajar. Para pelajar diberikan masa dan peluang untuk bertutur mengenai klip video yang ditunjukkan berdasarkan kaedah 4P. Semasa para pelajar menyumbangkan idea, mereka mendengar pendapat rakan-rakan, mempelajari kekuatan dan kelemahan masing-masing.

Bagi aktiviti pengukuhan pula, para pelajar bekerja secara berpasangan. Sebelum aktiviti ini dijalankan, guru mendapatkan pelajar untuk mengimbas kembali kaedah 4P yang telah mereka pelajari. Kemudian, berdasarkan video yang ditunjukkan guru, pelajar bertutur secara bergilir-gilir bersama pasangan masing-masing. Semasa aktiviti ini, mereka menggunakan senarai semak (Lampiran 1) yang disediakan untuk menguji sekiranya rakan mereka telah menggunakan kaedah 4P secara efektif. Guru menyemak maklum balas pelajar dan memberikan komen-komen membina kepada setiap pelajar.

Pada tahap yang terakhir sekali, guru menjalankan pascaujian untuk menguji sekiranya para pelajar dapat menggunakan kaedah 4P dengan berkesan apabila bertutur mengenai klip video yang ditonton. Penilaian tersebut dilakukan berdasarkan rubrik SEAB yang telah diperkenalkan kepada para pelajar pada tahap permulaan kajian.


## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dua ujian formal telah dijalankan sepanjang kajian ini. Ujian pertama dijalankan sebelum para pelajar diperkenalkan kepada kaedah 4P, manakala ujian kedua pula dijalankan setelah kaedah ini diperkenalkan.

Rajah 1 di bawah ini menunjukkan jumlah pelajar dan keputusan yang diperoleh sebelum kaedah 4P diperkenalkan. Jelas dapat dilihat bahawa markah yang paling rendah ialah 14 markah malah yang tertinggi ialah 25 markah. Malah, terdapat seorang pelajar yang tidak lulus dalam ujian ini. Hanya 3 pelajar sahaja yang mendapat 25 markah. Markah purata untuk praujian ini adalah 21 markah.




Rajah 1: Keputusan Praujian



Rajah 2 di bawah adalah dapatan yang diperolehi daripada keputusan pascaujian. Ujian ini dijalankan selepas kaedah 4P diperkenalkan dan para pelajar setelah menjalani latihan dengan guru dan rakan sebaya dalam kelas.


Dapatan kajian menunjukkan markah yang paling rendah diperolehi seorang pelajar adalah 16 markah dan paling tinggi adalah 26 markah. Kesemua pelajar lulus bagi ujian ini selepas diperkenalkan kepada kaedah 4P. Malah, lebih ramai pelajar yang mendapat 25 markah dan markah tertinggi telah meningkat daripada 25 markah bagi praujian kepada 26 markah untuk pascaujian ini. Markah purata untuk pascaujian ini adalah 22 markah, peningkatan daripada 21 markah semasa praujian. Rujuk Rajah 2.

Rajah 2: Keputusan Pascaujian



Bagi pengamatan yang lebih jelas lagi, perbandingan keputusan praujian dan pascaujian telah digabungkan dalam Rajah 3 di bawah ini. Keputusan pascaujian yang diperoleh jelas memaparkan bahawa para pelajar telah menunjukkan peningkatan selepas diperkenalkan kepada kaedah 4P. Pencapaian tersebut membuktikan bahawa strategi pengajaran ini berkesan untuk membantu pelajar mengembangkan idea dengan lebih tersusun dan jelas. Para pelajar juga berasa lebih yakin apabila mengutarakan idea masing-masing kerana kaedah ini memberikan mereka panduan untuk mengatur isi perbualan.

Rajah 3: Perbandingan Keputusan Praujian dan Pascaujian



## CABARAN

Bagi pengendalian kajian ini, cabaran yang paling besar yang dihadapi guru ialah faktor masa. Para pelajar 3 Normal Teknikal hanya mempunyai 3 masa setiap minggu bagi kelas Bahasa Melayu. Guru menghadapi kesukaran untuk mengendalikan pelajaran secara menyeluruh dalam kelas disebabkan masa yang terlalu singkat. Tambahan lagi, masa yang terhad ini menyebabkan guru sukar untuk mengendalikan ujian memandangkan ujian lisan memerlukan guru berhadapan dengan pelajar secara individu. Acara-acara sekolah seperti ujian sepadu dan hari sukan juga kadang kala mengambil masa pelajaran.

Faktor kedua ialah masa yang terhad di mana para pelajar kadangkala kurang berlatih menggunakan kaedah 4P ini sehinggakan mereka berasa sukar untuk menggunakannya semasa berhadapan dengan video. Guru



terpaksa mengingatkan pelajar dan memastikan mereka berlatih secara sendiri sebelum mengendalikan pascaujian yang tekal dan boleh dipercayai.

Masalah beberapa orang pelajar yang tidak hadir di sekolah semasa menjalani latihan telah menyebabkan guru menghadapi kesukaran memaksimumkan masa yang diberikan untuk mengajar dengan lebih berkesan.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulan, kaedah 4P ini telah terbukti berkesan untuk memberikan para pelajar satu panduan bagi mengembangkan idea masing-masing. Para pelajar juga berasa lebih yakin semasa perbualan yang dijalankan untuk pascaujian kerana mereka peka akan apa yang harus dibuahkan apabila berhadapan dengan video. Namun, yang penting ialah para pelajar harus membiasakan diri mereka menggunakan kaedah 4P supaya perbualan mereka lancar, tersusun dan berisi.

## RUJUKAN

- Heywood J. (2000). *Assessment in Higher Education: Student Learning, Teaching, Programmes and Institutions*. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Joughin G. (1999). Dimensions of Oral assessment and Student Approaches to Learning. In S. Brown & A. Glasner (Eds.), *Assessment Matters in Higher Education* (pp. 146-156). Buckingham: SRHE and Open University Press.
- Norazisza M.T. & Nurisha H. (2011). *Pengajaran Lisan: Perbualan Berdasarkan Gambar dengan menggunakan teknik K2WS2*. *Seminar Bahasa Melayu 2011*, Singapura.
- Sang Mok Soon (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan: Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Malaysia: Multimedia Sdn Bhd.





LAMPIRAN 1

SEKOLAH MENENGAH BENDEMEER  
MENENGAH 3 NORMAL TEKNIKAL  
SENARAI SEMAK LISAN TEKNIK 4P

NAMA: \_\_\_\_\_

TARIKH: \_\_\_\_\_

KELAS: 3T1

Nama penilai: \_\_\_\_\_

Bil	Perkara	√
1.	<b>Penjelasan</b> mengenai video jelas dan relevan.	
2.	<b>Pengalaman</b> yang dikongsi amat menarik.	
3.	Rakan telah memberikan <b>pendapat</b> yang munasabah.	
4.	<b>Pengajaran</b> yang dinyatakan daripada video sungguh memuaskan.	
5.	Bahasa yang digunakan sesuai untuk peperiksaan lisan.	
6.	Rakan berbual dengan lancar dan tidak teragak-agak.	

Daripada julat 1 (kurang baik) hingga 5 (sangat baik), rakan awak mampu mendapatkan \_\_\_\_\_.

Apakah yang harus rakan awak perbaiki?

---

---

Kata-kata perangsang buat rakan:

---

---



## *Penggunaan Klip Video bagi Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi*

**Mohamed Zain Mohamed**

mohamed\_zain\_b\_mohamed@moe.edu.sg

**Nur Ashikin Sapri**

nur\_ashikin\_sapri@moe.edu.sg

Sekolah Perempuan Tanjong Katong

### *Abstrak*

Bahawa komunikasi berkesan merupakan keterampilan penting dalam abad ke-21 ini adalah hakikat yang tidak dapat dinafikan. Oleh itu, untuk meningkatkan kebolehan reseptif dan produktif pelajar dalam komunikasi, satu kajian yang melibatkan tiga proses intervensi iaitu proses pra-intervensi, intervensi dan pascaintervensi telah dilaksanakan. Pencetusan idea untuk melaksanakan kajian ini terbit daripada pemerhatian terhadap ketidakupayaan pelajar menggarap lalu menyampaikan pendapat dengan jelas dan berkesan daripada rangsangan yang diberi. Wahana yang terpilih ialah klip video sebagai rangsangan untuk mendapatkan tindak balas yang sesuai. Klip video telah dipilih sejajar dengan format peperiksaan lisan (tahun 2016). Dalam kajian ini, seramai 16 orang pelajar Menengah 2 Bahasa Melayu telah melalui ketiga-tiga proses intervensi untuk memantau dapatan kajian. Kaedah '*jugyokenkyu*' yang digunakan sepanjang kajian ini telah dikenal pasti bukan sahaja untuk meningkatkan keterampilan pelajar bahkan sebagai wadah pembangunan modal insan guru-guru yang terlibat. Natiujahnya, terhasil satu pakej pembelajaran yang telah berjaya meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar.

Kata Kunci: keterampilan komunikasi, reseptif, produktif, video



## PENGENALAN

Kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran yang dititikberatkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu di Singapura. Para pelajar diharapkan dapat bertutur dengan cara yang mudah untuk berinteraksi serta menyesuaikan diri dengan masyarakat dan budaya Melayu dengan sebaiknya. Dapat dikatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan salah satu elemen kemahiran berbahasa Melayu yang perlu ditekankan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Memandangkan akan pentingnya kemahiran bertutur, maka kajian pengajaran ini dijalankan untuk meninjau dan akhirnya membantu para pelajar untuk dapat bertutur dengan berkesan.

Namun, usaha untuk membantu pelajar dalam kemahiran bertutur ini bukanlah sesuatu yang mudah, ia penuh cabaran. Oleh yang demikian, usaha ini harus dijalankan secara sepadu supaya pelajar akan dapat berkeyakinan untuk memberi respons yang sesuai kepada sesuatu rangsangan, berdasarkan struktur yang tersusun dan teratur. Secara tuntas, memperbaiki kemahiran reseptif dan produktif pelajar dalam komunikasi.

## PERNYATAAN MASALAH

Komunikasi adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan seharian. Melalui komunikasi, seseorang pelajar dapat menyampaikan idea, berkongsi pendapat dan berinteraksi dengan masyarakat. Seseorang pelajar itu dianggap mempunyai kecekapan berkomunikasi yang baik apabila dia mempunyai pengetahuan yang mendalam dan boleh menggunakan bahasa tersebut untuk tujuan berkomunikasi secara spontan dan bersesuaian dengan tatabahasanya. Mereka harus mampu menyampaikan idea-idea mereka dengan selesa lagi bernas. Namun, daripada pemerhatian, dapat dibuat kesimpulan bahawa hanya sedikit pelajar yang mampu menggarap lalu menyampaikan pendapat dengan jelas. Kebanyakan pelajar kurang berkebolehan untuk menyampaikan idea dan pendapat mereka dengan baik dan berkesan.

Keyakinan diri dan kemampuan pelajar memberi pendapat atau berinteraksi dalam kelas berkait rapat dengan konsep sendiri mereka. Keyakinan diri seseorang individu akan mempengaruhi kemahiran berkomunikasi individu



tersebut. Cara seseorang individu berinteraksi akan memberi persepsi tertentu kepada orang lain terhadap dirinya. Persepsi orang lain ini merupakan penilaian terhadap diri individu tersebut. Oleh itu, faktor-faktor psikologi seperti keyakinan diri, motivasi dan kebolehpercayaan pada diri sendiri juga turut mempengaruhi penguasaan kemahiran berkomunikasi pelajar.

Kelemahan pelajar dalam komunikasi akan menyebabkan mereka tidak mampu untuk berinteraksi dengan berkesan dan boleh mengurangkan potensi mereka untuk berdaya saing di alam pekerjaan kelak.

Atas sebab inilah maka pelajar harus dilengkapi dengan teknik-teknik yang sesuai yang boleh memandu mereka untuk menggarap sesuatu rangsangan dengan baik dan memberi mereka garis pandu agar mereka dapat memberikan respons yang sesuai. Dengan ilmu seperti ini, pelajar akan lebih berkeyakinan dan ini sendiri akan diterjemahkan kepada komunikasi yang lebih berkesan.

## **TUJUAN KAJIAN**

Berdasarkan latar belakang masalah yang diuraikan, didapati antara sebab yang berlakunya kelemahan dalam keterampilan bertutur dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh kurangnya keyakinan diri dalam aspek berkomunikasi. Lantaran itu, guru-guru berhasrat untuk mengkaji dan mengenalpasti kepentingan kemahiran komunikasi dalam meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan pelajar yang meliputi kemahiran komunikasi semasa menyaksikan rangsangan, kemahiran memproses rangsangan dan kemahiran komunikasi dalam memberi respons kepada rangsangan.

Lantas segala usaha dan rancangan tertumpu kepada tujuan kajian iaitu untuk:

1. meningkatkan kebolehan reseptif pelajar dalam komunikasi; dan
2. memperbaiki kebolehan produktif pelajar dalam komunikasi.

## **KAJIAN LEPAS**

Christine Canning-Wilson (2000) telah mendapati bahawa pemahaman melalui video lebih berkesan untuk pembelajaran kemahiran bertutur bukan



kerana kesan bunyinya, tetapi kesan pergerakan video itu sendiri. Secara ringkas rangsangan video lebih menarik minat pelajar dan adalah menjadi tanggungjawab guru untuk menterjemahkan minat ini untuk menghasilkan respons yang sesuai.

## **KAEDAH KAJIAN**

### Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Melayu menengah dua dari aliran Ekspres Sekolah Perempuan Tanjong Katong yang hanya mempunyai 16 orang pelajar pada tahun 2014 kerana mereka adalah kohort pertama yang akan mengambil ujian lisan peringkat Am Bahasa Melayu format baru yang menggunakan rangsangan video sebagai bahan ujian. Daripada 16 orang ini, tiga orang pelajar yang mewakili golongan HA-MA-LA (kemahiran tahap tinggi, kemahiran tahap sederhana dan kemahiran tahap rendah) telah dikenal pasti. Hal ini dilakukan untuk memantau markah mereka dan melihat sejauh mana langkah intervensi berjaya membantu pelajar daripada tahap kemahiran yang berbeza.

Bahan video telah menggantikan gambar yang hanya akan digunakan sehingga tahun 2015. Kajian ini juga telah dijalankan oleh salah seorang guru yang bukan sahaja ahli PLT (*Professional Learning Team*) Jabatan Bahasa Ibunda malahan beliau juga mengajar mata pelajaran ini dan pelajar-pelajar tersebut. Hal ini diharapkan dapat menangani faktor masa yang membatasi kajian ini.

### Prosedur

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian berbentuk kajian rintis bagi sebuah kajian bertindak yang dirancang akan dijalankan pada tahun mendatang. Ianya adalah satu inisiatif Jabatan Bahasa Ibunda (Bahasa Melayu dan Tamil) untuk projek tahunan PLT (*Professional Learning Team*) tahun 2014. Kajian ini telah dijalankan selama empat minggu pada penggal kedua sekolah. PLT Jabatan Bahasa Ibunda perlu mengenal pasti perkara yang menjadi keprihatinan untuk dikaji pada tahun 2014 dan kemahiran lisan merupakan



pilihan sekata yang telah dipilih untuk memperlengkap pelajar dengan kemahiran-kemahiran befikir alaf ke-21.

Langkah pertama adalah mengusulkan perkara yang menjadi keprihatinan kepada pengetua sekolah melalui koordinator PLT. Setelah usulan kajian ini diterima, surat pemberitahuan dan kebenaran diberikan kepada ibu bapa atau waris pelajar bagi menerangkan tentang matlamat kajian untuk mendapatkan persetujuan mereka.

Kajian ini dilaksanakan dalam tiga minggu menggunakan tiga proses; praintervensi, intervensi dan pascaintervensi. Dalam langkah praintervensi, guru memberikan pelajar rangsangan video dan pelajar membincangkannya secara bebas tanpa diajarkan dengan teknik-teknik pemikiran atau dipandu dengan sebarang rangsangan. Video yang telah digunakan ini adalah berkenaan Aktiviti Lasak.

Pada minggu kedua, proses intervensi telah dijalankan. Guru menayangkan video yang sama dan membincangkan isi-isi relevan yang patut disebutkan. Kemudian, guru memberikan soalan-soalan rangsangan berdasarkan teknik soalan rangsangan *Socratic*. Guru menerangkan bahawa pelajar bukan sahaja perlu menggambarkan tema atau kandungan video tersebut malahan juga perlu menghubungkan video yang ditonton dengan pengalaman mereka sendiri serta memberikan pandangan berdasarkan perspektif keluarga, sekolah atau masyarakat.

Seterusnya, pada minggu ketiga, guru menayangkan video yang berbeza kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Kali ini, video yang digunakan adalah berkenaan Kunci Kejayaan. Dalam proses praintervensi dan pascaintervensi, pelajar menonton video tersebut secara individu kerana mereka diuji mengikut persekitaran dan format yang sama seperti ujian lisan peringkat Am.

### Instrumen Kajian

Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan pemerhatian guru dan pengumpulan data hanya dilakukan melalui pemantauan markah lisan yang diperoleh oleh tiga orang pelajar HA-MA-LA.



## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahawa satu perbandingan markah yang jelas dapat dilihat dalam dua proses yang telah dijalankan ini. Melalui nota-nota pemerhatian guru juga ada dicatatkan bahawa jawapan pelajar lebih berfokus dan terarah. Pelajar-pelajar secara amnya menggambarkan video yang ditonton. Idea-idea yang dikembangkan menunjukkan tahap pemikiran yang lebih tinggi contohnya 'bagaimana aspek fizikal dapat merangsang keyakinan diri dan membawa kepada kejayaan dalam hidup.

Ketika tahap pascaintervensi, pelajar berasa lebih selesa dan dapat bercakap dengan lebih yakin berbanding dengan tahap praintervensi. Respons pelajar lebih menjurus kepada rangsangan-rangsangan dan soalan-soalan yang sepatutnya dijawab berbanding dengan respons-respons rambang yang diberikan seperti yang diberikan pada tahap praintervensi. Guru yang menjadi pemerhati dapat melihat bahawa pelajar-pelajar berjaya mengembangkan idea-idea mereka dan menggunakan kosa kata-kosa kata yang relevan seperti "makanan bergizi" dan "kandungan gula dan garam yang berlebihan".

Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar yang dipantau mendapat markah yang lebih baik sewaktu tahap pascaintervensi dilakukan. Hal ini bukan sahaja dapat dilihat pada tiga orang pelajar yang dikenal pasti (HA-MA-LA) bahkan juga pada kesemua yang mengambilnya untuk tahap praintervensi dan pascaintervensi. Rujuk Jadual 1.



Jadual 1: Dapatan Kajian dan Perbincangan

No.	Nama	No. Indeks	Kelas	Praintervensi (40m)	Pascaintervensi (40m)	Kemahiran
1	P1	27	2E2	28	31	
2	P2	40	2E2	Tidak hadir	28	
3	P3	21	2E5	29	32	
4	P4	34	2E3	26	31	Tahap sederhana
5	P5	15	2E2	27	33	
6	P6	15	2E5	24	29	
7	P7	19	2E5	27	31	
8	P8	35	2E2	25	29	
9	P9	20	2E5	Tidak hadir	30	
10	P10	11	2E7	25	Ab	
11	P11	12	2E7	Tidak hadir	30	
12	P12	26	2E3	Tidak hadir	32	
13	P13	39	2E3	28	33	Tahap tinggi
14	P14	16	2E5	25	31	
15	P15	33	2E5	27	31	
16	P16	17	2E5	22	31	Tahap rendah





## KESIMPULAN

Dengan hasil kajian ini, diharapkan agar dapataannya akan dapat menambah nilai kepada kajian-kajian rintis yang sudahpun dilakukan khusus untuk meningkatkan kebolehan reseptif dan produktif komunikasi pelajar menerusi video. Melalui dapatan kajian ini juga, guru-guru, khususnya guru sekolah SPTK Jabatan Bahasa Melayu dapat melakukan kajian bertindak bagi menghasilkan satu pakej lisan menggunakan video bukan sahaja untuk pelajar yang mengambil Bahasa Melayu bahkan juga untuk pelajar Bahasa Melayu Lanjutan, pada masa akan datang. Kajian ini juga diharapkan dapat mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran lisan di sekolah agar kemahiran berkomunikasi pelajar dapat dipertingkatkan.

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

- Alena Puhari
- Nur Hafizah Ismail

## RUJUKAN

- Barak. Moshe (2009). *Idea Focussing versus Idea Generating: A Course for Teacher on Inventive Problem Solving*. Vol. 46, pg 345 – 35, in *Innovations in Education and Teaching Interanation*, London: Routledge Taylor and Francis Group,
- Harding. Tayloe (2010). *Fostering Creativity for Leadership and Leading Change*. Vol 111, pg 51 – 53, in *Arts Education Policy Review*, London: Routledge Taylor and Francis Group
- Linda Edler (2007). *A miniature guide for students and faculty to the foundations of analytic thinking: how to take thinking apart and what to look for when you do; the elements of thinking and the standards they must meet*, Foundation for Critical Thinking, USA: University of Michigan, USA
- McPeck. John E. (1990). *Teaching Critical Thinking: Dialogue and Dialectic*. London: Routledge Taylor and Francis Group

